

29/03/2001

Alasan galak berbelanja (HL)

Abdul Halim Yusoff; Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR, Rabu - Bank Negara Malaysia hari ini menasihatkan rakyat supaya meningkatkan perbelanjaan secara produktif bagi membantu pertumbuhan ekonomi negara kekal mantap.

Gabenor bank pusat itu, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata dalam keadaan ekonomi negara sederhana sekarang berikutan kelembapan di Amerika Syarikat, pengguna tidak perlu terlalu berhati-hati dalam perbelanjaan mereka.

Katanya, berikutan kelembapan sektor eksport, pertumbuhan ekonomi negara tahun ini akan bergantung kepada kegiatan ekonomi domestik.

"Pengguna boleh menyumbang kepada peningkatan kegiatan ekonomi domestik dengan meningkatkan perbelanjaan mereka," katanya selepas membentangkan Laporan Tahunan Bank Negara 2000, di sini.

Dr Zeti berkata, menyedari hakikat pengguna perlu memainkan peranan menyokong pertumbuhan ekonomi negara ekoran kelembapan sektor eksport, kerajaan mengurangkan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak dua peratus kepada sembilan peratus sebulan dengan harapan mereka membelanjakan wang itu secara produktif.

Berdasarkan kutipan RM1.6 bilion sebulan oleh KWSP daripada 11 peratus caruman pekerja dan 12 peratus caruman majikan, penurunan dua peratus diumumkan semalam dianggar menyedia lebih kira-kira RM140 juta untuk dibelanja 9.7 juta pencarum setiap bulan.

Beliau berkata, sektor swasta juga perlu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Bank Negara menjangka permintaan keseluruhan sektor swasta meningkat 7.5 peratus tahun ini. Pencapaian itu sangat positif memandangkan Malaysia pernah mencatatkan penggunaan negatif ketika krisis ekonomi 1997.

Kemerosotan pertumbuhan ekonomi AS, kelemahan ekonomi Jepun dan ketidaktentuan pasaran kewangan global menyebabkan Malaysia tidak boleh bergantung kepada pertumbuhan disandar kepada eksport, tahun ini.

Justeru, kerajaan memperkenalkan usaha mengekalkan pertumbuhan ekonomi bersandarkan kepada kerancakan kegiatan penggunaan domestik.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan langkah rangsangan fiskal sebanyak RM3 bilion sebagai tambahan kepada RM28.8 bilion yang diluluskan di bawah Belanjawan 2001. Selain itu, kerajaan turut mengumumkan pemotongan caruman KWSP pekerja berkenaan.

Dr Zeti berkata, berdasarkan jangkaan pertumbuhan ekonomi AS akan menyederhana tahun ini, pertumbuhan ekonomi Malaysia disasarkan lebih perlahan kepada lima peratus tahun ini berbanding 8.5 peratus pada 2000.

"Bagaimanapun, disebabkan kekukuhan asas ekonomi, Malaysia mampu memperkenalkan langkah rangsangan fiskal tambahan untuk menggiatkan penggunaan domestik, sekali gus menjana pertumbuhan tambahan KNNDK sehingga enam peratus," katanya.

Beliau berkata, dengan pengenalan langkah penggalakan fiskal, pengguna patut menyedari bahawa langkah berkenaan akan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi keseluruhan.

Kerana itu, katanya, tidak ada sebab pengguna perlu bimbang untuk berbelanja walaupun wujud ketidaktentuan dalam pertumbuhan ekonomi AS dan Jepun yang merupakan penerima 50 peratus daripada eksport keseluruhan negara.

"Lebih daripada pengurangan caruman KWSP itu akan memberi kesan langsung kepada kegiatan penggunaan dan menggalakkan kegiatan pelaburan,

manakala rangsangan fiskal RM3 bilion penting bagi merangsang pertumbuhan dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan," katanya.

Perbelanjaan pengguna pulih pada 1999 dan mengukuh dengan ketara pada tahun 2000 dengan pertumbuhan 12.4 peratus. Dengan asas pertumbuhan penggunaan sudah cukup tinggi dan kini ditokok dengan pemotongan sumbangan KWSP, peningkatan aktiviti penggunaan dijangka lebih tinggi daripada 7.5 peratus tahun ini.

Berikutan tambahan RM3 bilion rangsangan fiskal itu, defisit kerajaan persekutuan yang kini berada pada 4.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau RM16.5 bilion, akan meningkat kepada 6 peratus (RM21.6 bilion) daripada KDNK.

Dr Zeti berkata, kerajaan tidak menghadapi masalah untuk membiayai tambahan defisit kerana ia boleh mendapatkannya daripada sumber domestik berikutan kecairan yang cukup besar dalam sistem kewangan tempatan tanpa menjejaskan peluang pelaburan sektor swasta.

"Bagaimanapun, jika Malaysia berpendapat adalah lebih bermanfaat mendapatkan dana daripada pasaran modal antarabangsa, kerajaan akan berbuat demikian berdasarkan peluang mendapatkan pembiayaan pada kos lebih rendah.

"Jadi, Malaysia mempunyai pilihan untuk membiayai daripada kedua-dua sumber domestik dan asing," katanya.

(END)